



<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2). Pastikan juga tuan/puan membaca terma dan syarat amnya. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma amnya.)</p>	<p><b>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD</b> 197301001433 (14328-V)</p> <p><b>TABUNG USAHAWAN BAHARU 2 (NEF2)</b> <b>KEMUDAHAN TUNAI-i (Pembiayaan Bercagar)</b></p> <p><b>TARIKH:</b></p>																														
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <table border="1" data-bbox="236 607 1461 837"> <tr> <td> <p><b>Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2)</b> Tabung ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS/SME) yang berkelayakan dalam sektor berorientasikan eksport dan domestik mempunyai akses kepada pembiayaan pada kos yang munasabah.</p> </td> </tr> <tr> <td> <p><b>Tabung Usahawan Baharu 2/Kemudahan Tunai-i (NEF2/CLF-i)</b> Pembiayaan bercagar untuk modal kerja.</p> </td> </tr> </table>		<p><b>Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2)</b> Tabung ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS/SME) yang berkelayakan dalam sektor berorientasikan eksport dan domestik mempunyai akses kepada pembiayaan pada kos yang munasabah.</p>	<p><b>Tabung Usahawan Baharu 2/Kemudahan Tunai-i (NEF2/CLF-i)</b> Pembiayaan bercagar untuk modal kerja.</p>																												
<p><b>Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2)</b> Tabung ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS/SME) yang berkelayakan dalam sektor berorientasikan eksport dan domestik mempunyai akses kepada pembiayaan pada kos yang munasabah.</p>																															
<p><b>Tabung Usahawan Baharu 2/Kemudahan Tunai-i (NEF2/CLF-i)</b> Pembiayaan bercagar untuk modal kerja.</p>																															
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p> <table border="1" data-bbox="236 931 1461 1211"> <tr> <td> <p><b>Untuk Asas Bercagar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bai-Bithaman Ajil (BBA) Kaedah jualan atas dasar pembayaran tertunda pada harga yang termasuk margin keuntungan seperti yang dipersetujui oleh Bank dan Pelanggan.</li> <li>Wa'd Satu janji satu pihak yang merujuk pernyataan komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk mengambil tindakan pada masa hadapan.</li> </ul> </td> </tr> </table>		<p><b>Untuk Asas Bercagar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bai-Bithaman Ajil (BBA) Kaedah jualan atas dasar pembayaran tertunda pada harga yang termasuk margin keuntungan seperti yang dipersetujui oleh Bank dan Pelanggan.</li> <li>Wa'd Satu janji satu pihak yang merujuk pernyataan komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk mengambil tindakan pada masa hadapan.</li> </ul>																													
<p><b>Untuk Asas Bercagar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bai-Bithaman Ajil (BBA) Kaedah jualan atas dasar pembayaran tertunda pada harga yang termasuk margin keuntungan seperti yang dipersetujui oleh Bank dan Pelanggan.</li> <li>Wa'd Satu janji satu pihak yang merujuk pernyataan komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk mengambil tindakan pada masa hadapan.</li> </ul>																															
<p><b>3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</b></p> <table border="1" data-bbox="236 1305 1461 1944"> <tr> <td colspan="2"><b>Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2)</b></td> </tr> <tr> <td>Had Amaun/Harga Belian oleh Bank</td> <td>: RM _____</td> </tr> <tr> <td>Tempoh (Tahun), Boleh diperbaharui apabila tamat</td> <td>: 5 Tahun</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>Kadar Keuntungan</b></td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)</td> <td>: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + 4%</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keuntungan Mesti Dibayar</td> <td>: RM _____</td> </tr> <tr> <td>Harga Jualan oleh Bank</td> <td>: RM _____</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>Kadar Keuntungan Efektif (EPR)</b></td> </tr> <tr> <td>Kadar Pendanaan BNM (BNM FR)(%)</td> <td>: 1.5%</td> </tr> <tr> <td>    Tahun Pertama</td> <td>: BNM FR + _____ %</td> </tr> <tr> <td>    Tahun ke-2</td> <td>: BNM FR + _____ %</td> </tr> <tr> <td>    Tahun ke-3</td> <td>: BNM FR + _____ %</td> </tr> <tr> <td>    Tahun ke-4</td> <td>: BNM FR + _____ %</td> </tr> <tr> <td>    Tahun ke-5</td> <td>: BNM FR + _____ %</td> </tr> <tr> <td>    Selepas itu (selepas diperbaharui)</td> <td>: BFR + _____ %</td> </tr> </table>		<b>Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2)</b>		Had Amaun/Harga Belian oleh Bank	: RM _____	Tempoh (Tahun), Boleh diperbaharui apabila tamat	: 5 Tahun	<b>Kadar Keuntungan</b>		Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)	: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + 4%	Jumlah Keuntungan Mesti Dibayar	: RM _____	Harga Jualan oleh Bank	: RM _____	<b>Kadar Keuntungan Efektif (EPR)</b>		Kadar Pendanaan BNM (BNM FR)(%)	: 1.5%	Tahun Pertama	: BNM FR + _____ %	Tahun ke-2	: BNM FR + _____ %	Tahun ke-3	: BNM FR + _____ %	Tahun ke-4	: BNM FR + _____ %	Tahun ke-5	: BNM FR + _____ %	Selepas itu (selepas diperbaharui)	: BFR + _____ %
<b>Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2)</b>																															
Had Amaun/Harga Belian oleh Bank	: RM _____																														
Tempoh (Tahun), Boleh diperbaharui apabila tamat	: 5 Tahun																														
<b>Kadar Keuntungan</b>																															
Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)	: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + 4%																														
Jumlah Keuntungan Mesti Dibayar	: RM _____																														
Harga Jualan oleh Bank	: RM _____																														
<b>Kadar Keuntungan Efektif (EPR)</b>																															
Kadar Pendanaan BNM (BNM FR)(%)	: 1.5%																														
Tahun Pertama	: BNM FR + _____ %																														
Tahun ke-2	: BNM FR + _____ %																														
Tahun ke-3	: BNM FR + _____ %																														
Tahun ke-4	: BNM FR + _____ %																														
Tahun ke-5	: BNM FR + _____ %																														
Selepas itu (selepas diperbaharui)	: BFR + _____ %																														

**4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

Fi dan Caj	Jumlah (RM)
<b>4.1 Fi Pemprosesan* (mana yang berkenaan)</b> Fi sekali sahaja dikenakan bagi kelulusan pembiayaan i) Pembelian/Pembiayaan semula <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga RM30,000</li> <li>• RM30,001 hingga RM100,000</li> <li>• Melebihi RM100,000</li> </ul> ii) Pembelian Hartanah Komersial dan Perindustrian (tidak termasuk tanah) di bawah Pelan SWIFT/SMILAX	50.00  100.00  200.00  200.00
<b>4.2 Fi Pendahuluan* (mana yang berkenaan)</b> i) Kemudahan Dicagar dengan Semua Jenis Tanah (tidak termasuk Pembiayaan Penyambung)  ii) Pembiayaan Penyambung  * Pengiraan Fi Pemprosesan/Fi Pendahuluan bagi permohonan pembiayaan tidak termasuk amaun MRPA/MRTT/BFTT, dll. yang dibiayai.	0.10%-0.20% daripada jumlah pembiayaan tertakluk pada minimum sebanyak RM500.00  0.20% daripada jumlah pembiayaan tertakluk pada minimum sebanyak RM3,000.00
<b>4.3 Duti Setem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerimaan Surat Tawaran</li> <li>• Setiap dokumen sampingan seperti Surat Jaminan/Surat Tolak Selesai (mana yang berkenaan)</li> <li>• Penerimaan Perjanjian Utama</li> <li>• Arahan Tetap</li> </ul>	10.00  10.00  Ad valorem  10.00
<b>4.4 Fi Pengeluaran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Termasuk fi bagi pendaftaran cagaran dan caj-caj lain yang berkaitan dengannya</li> </ul>	Amaun akan berubah bergantung pada amaun pengeluaran
<b>4.5 Fi Pemberhentian</b> akan dikenakan jika kemudahan dibatalkan sebelum pengeluaran. Nota: <b>HANYA DITERIMA PAKAI</b> bagi kemudahan yang dicagar dengan <b>hartanah dan tanah sahaja</b> (dicagar sebahagian atau sepenuhnya). Fi ini <b>TIDAK DITERIMA PAKAI</b> bagi kemudahan yang dicagar sepenuhnya dengan Pelaburan-i Islam/diuntukkan dengan deposit marginal/ akaun semasa-i, pembiayaan Kerajaan/Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) yang adalah atas dasar bersih.	2,000.00

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di [www.publicislamicbank.com.my](http://www.publicislamicbank.com.my).



## 5. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

5.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya di bawah jenis kemudahan yang berkenaan, sekiranya berlaku kemungkiran, Bank berhak untuk mengenakan yang berikut:

- a) Jika gagal untuk membuat bayaran ansuran bagi kemudahan mulai tarikh pengeluaran pertama sehingga tarikh matang kemudahan tersebut, kadar *ta'widh* (ganti rugi) yang akan dikenakan ialah satu peratus (1%) setahun atas apa-apa amaun lampau tempoh, atau kadar lain yang seumpamanya sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi *ta'widh* atas ansuran lampau tempoh adalah seperti yang berikut:

$$\text{Ansuran Lampau Tempoh} \times \text{Kadar } Ta'widh \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

- b) Sila maklum bahawa sekiranya akaun tuan/puan terus tertunggak dan sekiranya kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang, caj bagi pembayaran lewat sebanyak 1% setahun atas baki belum bayar akan dikenakan.

$$\text{Baki Belum Bayar} \times 1\% \text{ setahun} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

- c) Jika gagal untuk membayar apa-apa ansuran dan kegagalan untuk membayar itu berterusan melepasi tarikh matang kemudahan, kadar ganti rugi yang akan dikenakan adalah Kadar Pembiayaan Purata Bank\* (KPP) atas baki belum bayar atau kadar lain seumpamanya sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi caj pembayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki Belum Bayar} \times \text{KPP} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

\* Juga dikenali sebagai "Kadar Bergabung" yang terdiri daripada dua (2) elemen iaitu *ta'widh* dan *gharamah*. *Ta'widh* merujuk pada amaun yang boleh diganti rugi kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang ditanggung disebabkan oleh kemungkiran manakala *gharamah* merujuk pada penalti yang dikenakan ke atas pemungkir selain daripada *ta'widh*.

- d) Bank tidak akan mengira ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.

5.2 Bank berhak pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan Akaun Semasa/Simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan apa-apa caj dan/atau fi lain yang dikenakan bagi pemberian pembiayaan berkenaan termasuk caruman Takaful, cukai tanah, cukai pintu, kos bagi laporan penilaian yang dikemas kini/disemak, fi bagi carian, fi guaman untuk penyediaan dan penyempurnaan dokumen sekuriti oleh peguam Bank, kos guaman yang dikenakan berkaitan dengan penguatkuasaan/kos pemungutan semula dan apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya.

**5. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?, sambungan**

- 5.3 Jika tempoh pembiayaan berlanjutan hingga persaraan, tuan/puan perlu memaklumkan kepada kami mengenai rancangan tuan/puan untuk membayar ansuran bulanan selepas persaraan tuan/puan.
- 5.4 Tuan/Puan hendaklah memberi kepada kami semua maklumat yang berkaitan mengenai pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan peniaga yang memberi jualan kredit dsbnya. dan memberi maklumat penting sepenuhnya dan setepatnya yang memberi kesan ke atas keputusan kami untuk memberi pembiayaan. Kegagalan untuk memberi maklumat penting dan tepat dalam permohonan pembiayaan dan pemberian maklumat yang tidak lengkap atau tidak betul akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi dikenakan atau permohonan pembiayaan tuan/puan ditolak.
- 5.5 Tindakan undang-undang akan diambil jika tuan/puan gagal untuk menjawab notis-notis peringatan. Hartanah tuan/puan mungkin akan dirampas dan tuan/puan perlu menanggung semua kos guaman. Tuan/Puan juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa bayaran yang kurang selepas hartanah tuan/puan dijual.
- 5.6 Tindakan undang-undang terhadap tuan/puan mungkin akan memberi kesan ke atas penarafan kredit tuan/puan yang akan mengakibatkan pinjaman menjadi lebih sukar atau mahal bagi tuan/puan.
- 5.7 Di bawah keadaan tertentu sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi, kewajipan Bank dianggap telah dipenuhi jika notis berkenaan telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar lebih awal.

**Terma dan syarat lain**

- 1) Tuan/Puan boleh memilih untuk menggunakan panel peguam/pengendali Takaful/penilai Bank.
- 2) Berdasarkan kes, bergantung pada penilaian kredit tuan/puan oleh Bank, tuan/puan mungkin perlu menyediakan penjamin.

**6. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- 6.1 Jika anda menjelaskan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang:
- a) Anda perlu membayar jumlah baki pembiayaan, keuntungan bulanan semasa dan sebarang jumlah yang masih tertunggak dan belum dibayar kepada Bank.
  - b) Tiada Fi Penyelesaian Awal akan dikenakan.

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

Takaful Berjangka Pengurangan Gadai janji (MRTT)	[ ]	Ya	[ ]	Tidak
Takaful Berjangka Pembiayaan Perniagaan (BFTT)	[ ]	Ya	[ ]	Tidak
Takaful Kebakaran/Isi Rumah/Pemilik Rumah	[ ]	Ya	[ ]	Tidak

Nota: Pelanggan boleh merujuk kepada Cawangan yang berkaitan mengenai senarai panel pengendali Takaful. Bank boleh memberi sebut harga bagi mana-mana Takaful wajib yang ditawarkan oleh panel pengendali Takaful Bank tetapi pelanggan bebas untuk menggunakan perkhidmatan pengendali Takaful bukan panel. Bagaimanapun, hanya amaun daripada penyedia Takaful yang diluluskan oleh Bank sahaja yang akan diberi pembiayaan.

**8. Adakah saya memerlukan seorang penjamin atau cagaran?**

- Cagaran/Penjamin yang boleh diterima mungkin diperlukan daripada pelanggan tertakluk pada keperluan Bank.

**9. Apakah risiko-risiko utama?**

- Kadar keuntungan atas kemudahan ini ditambahkan kepada Kadar Pendanaan BNM (BNM FR)/Kadar Pembiayaan Asas (BFR) yang mungkin turun dan naik dari semasa ke semasa. Kenaikan dalam kadar keuntungan mungkin menyebabkan ansuran bulanan yang lebih tinggi/lanjutan tempoh pembiayaan.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?**

- Adalah penting tuan/puan menghubungi kami (notis bertulis hendaklah dihantar ke cawangan pemegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?**

- Jika tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan hendaklah menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Jika tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, tuan/puan boleh menghubungi:

**Public Islamic Bank Berhad**  
**Tingkat 25, Menara Public Bank**  
**146 Jalan Ampang**  
**50450 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 1-800-22-5555  
**Faks** : 03-2162 2224  
**E-mel** : [islamicbkg@publicislamicbank.com.my](mailto:islamicbkg@publicislamicbank.com.my)  
**Laman web** : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Selain itu, tuan/puan boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi khidmat percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall**  
**1001, Jalan Sultan Ismail**  
**50250 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 03-2616 7766  
**E-mel** : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?, sambungan**

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi TELELINK Bank Negara Malaysia di:

**Pusat Hubungan Pelanggan (BNMTELELINK)**

**Bank Negara Malaysia**

**P.O. Box 10922**

**50929 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

**Luar Negeri** : 603-2174 1717

**Waktu Operasi** : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)

**Web Form (Borang Web)** : telelink.bnm.gov.my

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan, sila layari laman web *bankinginfo* melalui [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

**13. Kemudahan lain yang disediakan**

- Tabung Usahawan Baharu 2 (NEF2)/Pembiayaan Berjangka-i
- Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (FSMI2)/Pembiayaan Berjangka-i
- Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (FSMI2)/Kemudahan Tunai-i
- Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (FSMI2)/Bil-bil Perdagangan Islam

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL SEKIRANYA TUAN/PUAN TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAGI PEMBIAYAAN BERJANGKA-i TUAN/PUAN.**

Maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja, kadar keuntungan dan caj mungkin berubah dan tertakluk pada terma dan syarat Bank.

Tandatangan/Tarikh: .....

Nama Pegawai/Pegawai Penjualan dan Pemasaran: .....

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan borang pendedahan ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini sah pada tarikh di atas.